

## **Perayaan Maulid Menurut Ibnu Taymiyyah dalam *Iqtidā'*** ***The Maulid Festival According to Ibnu Taymiyyah in Iqtidā'***

MOHD FARID MOHD SHARIF

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
faridusm@usm.my

Published online: 15 April 2017

To cite this article: Mohd Sharif, M. F. 2017. Perayaan Maulid menurut Ibnu Taymiyyah dalam *Iqtidā'*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 24(1): 51–80, <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.3>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.3>

**Abstrak.** Makalah ini membincangkan pandangan Ibnu Taymiyyah tentang Maulid dalam *Iqtidā'*, sebuah karya yang menjadi polemik berhubung penyertaan orang Islam dalam perayaan-perayaan orang bukan Islam. Daripada satu sudut, Ibnu Taymiyyah berpendapat bahawa perayaan Maulid ialah amalan bidaah. Sambutan perayaan itu tidak diharuskan kerana golongan Salaf tidak menyambut perayaan itu dan tidak terdapat sumber tekstual yang mengharuskan amalan tersebut. Daripada sudut yang lain pula, Ibnu Taymiyyah juga menyebut tentang beberapa motif kebaikan di sebalik sambutan perayaan Maulid, namun telah disalahfahami oleh Ukeles melalui penelitiannya terhadap orang Islam dan keperluan-keperluan rohaniah mereka. Ibnu Taymiyyah tetap berpendapat bahawa orang yang menyambut perayaan Maulid tidak diberikan ganjaran kerana ia merupakan amalan bidaah dan status asal sambutan Maulid tidak berubah walaupun dikatakan terdapat tujuan yang murni di sebalikny.

**Kata kunci dan frasa:** bidaah, *Iqtidā'*, Maulid, Taymiyyah, Ukeles

**Abstract.** *This article discusses Ibnu Taymiyyah's treatment of the Maulid in Iqtidā', a polemical treatise against Muslim participation in non-Muslim festivals. On the one hand, Ibnu Taymiyyah regarded the celebration of the Maulid as a reprehensible innovation because the Salaf did not observe the festival and no textual source exists condoning the practice. On the other hand, Ibnu Taymiyyah acknowledged the pious motives behind the celebration of the Maulid, motives that were misunderstood by Ukeles in his analysis of Muslims and their spiritual needs. Ibnu Taymiyyah nonetheless believed that the celebrants are not rewarded for participating in the innovated act itself and the original status of the Maulid is not altered despite the good intentions behind the celebration.*

**Keywords and phrases:** *innovation, Iqtidā', Maulid, Taymiyyah, Ukeles*

## Pendahuluan

Secara umumnya, perbuatan-perbuatan yang dikatakan termasuk dalam skop bidaah itu agak luas menurut pandangan Ibnu Taymiyyah. Penulis berpendapat bahawa tidak semua kebaharuan itu bidaah, malah bersetuju dengan definisi yang diberikan oleh Ibn Hajar (2004) dan Ibn Rajab (2008) bahawa bidaah itu hanya perbuatan yang dijadikan amalan peribadatan atau perbuatan itu dinisbahkan kepada agama Islam tetapi pengamalannya gagal mengemukakan sandaran nas atau dalil daripada al-Quran, hadis dan ijmak golongan Salaf (iaitu golongan Sahabat dan orang-orang selepas zaman itu yang mengikut metode yang sama) (lihat juga al-Uthaimīn 1421). Menurut al-Syātibī (1994), bidaah adalah satu bentuk amalan dalam agama yang direka menyerupai syariat dengan tujuan untuk berlebih-lebih dalam beribadat kepada Allah SWT. Perbuatan-perbuatan yang termasuk dalam kategori itu dikatakan bidaah dan Ibnu Taymiyyah (1990; 2000) melarang umat Islam melakukannya. Al-Būṭī (1988) bersetuju dengan definisi yang dikemukakan oleh al-Syātibī dan menegaskan bahawa bidaah adalah satu perkara yang telah dinaskan dengan jelas sebagai sesat. Beliau juga bersetuju dengan Ibnu Taymiyyah tentang kesesatan bidaah yang mesti dijauhi.

Terdapat sebahagian tulisan yang dihasilkan oleh Ibnu Taymiyyah menyentuh tentang tema bidaah itu. Perbezaan hanyalah daripada aspek keterangan dalam sudut perbincangan yang dikemukakan oleh beliau dalam setiap karya yang ditulisnya. Hal ini menunjukkan satu trend bahawa Ibnu Taymiyyah ketika hidupnya juga terlibat dalam membahaskan persoalan tentang perbuatan bidaah. Walau bagaimanapun, dalam *Iqtidā' al-Ṣirāṭ al-Mustaqim Mukhālafat Aṣḥāb al-Jahīm* (selepas ini hanya disebut *Iqtidā'*), perbincangan yang dikemukakan oleh Ibnu Taymiyyah dilihat memberikan penekanan yang lebih khusus kepada perbuatan bidaah dalam aspek perayaan. Perayaan yang dimaksudkan dalam *Iqtidā'* ialah perayaan-perayaan yang disambut oleh orang bukan Islam seperti Yaum al-Milād (Krismas)<sup>1</sup> dan Yaum al-Bā'ūth (Easter)<sup>2</sup> atau perayaan-perayaan yang disambut oleh kebanyakan orang Islam. Menurut beliau, kebanyakan perayaan yang disambut oleh orang Islam ialah bidaah kerana perayaan-perayaan itu tidak pernah disambut oleh orang Islam terdahulu seperti perayaan Maulid, perayaan Lailah al-Raghā'ib (solat khusus pada malam Jumaat pertama bulan Rejab), Yaum al-Ghatās (upacara mandi adat dengan tujuan membersihkan dosa yang diubah suai daripada upacara pembaptisan orang Kristian), Yaum 'Āshūrā' (upacara mengingati insiden pembunuhan Husain b. Abi Talib pada setiap tanggal 10 Muharram) dan upacara memuja tempat atau sesuatu yang dianggap keramat (Ibnu Taymiyyah 1990). Di samping itu, Ibnu Taymiyyah mendakwa bahawa beliau tidak berjumpa sebarang dalil yang berautoriti untuk membenarkan keharusan menyambut perayaan-perayaan itu.

Menurut Ibn 'Abd al-Hādī (1938), kitab *Iqtidā'* telah ditulis antara tahun 1321 hingga 1326, iaitu pada akhir waktu usia Ibnu Taymiyyah. Berdasarkan kajian Memon (1976), hal yang mendorong Ibnu Taymiyyah menulis *Iqtidā'* ialah kerana beliau tidak lagi boleh berdiam diri melihat sebahagian umat Islam pada zaman itu semakin terikut-ikut dengan budaya dan cara peribadatan golongan Kristian dan Yahudi seperti menjadikan tanah perkuburan orang soleh sebagai tempat suci, melakukan pemujaan dan ritual di tempat-tempat keramat (*mashāhid*) dan mempelajari serta mempraktikkan ilmu astrologi (Ibnu Taymiyyah 1990). Turut menerima kritikan beliau dalam kitab itu ialah golongan Shi'ah (Memon 1976). Daripada sudut kepengarangan, para pengkaji *Iqtidā'* tidak mempunyai keraguan bahawa kitab itu ialah hasil tulisan Ibnu Taymiyyah. Menurut Muḥammad Ḥāmid al-Fiqī, penyunting *Iqtidā'* edisi tahun 1990, *Iqtidā'* ialah "bedilan terkuat yang dilakukan oleh Shaikh al-Islam terhadap golongan yang mengikut jejak syaitan dengan peluru-peluru kebenaran dan petunjuk (*al-ḥaqq wa al-hudā*)" (Ibnu Taymiyyah 1990). Meskipun ungkapan 'jejak syaitan' itu kelihatan agak keras, kata-kata itu ditujukan kepada orang yang memilih untuk tidak mengikut ajaran dan metodologi seperti yang digariskan dalam al-Quran dan hadis. Hal ini termasuklah juga orang yang sengaja memilih untuk melakukan bidaah kerana perbuatan itu tidak ada sandaran nas. Penulis bersetuju dengan al-Fiqī kerana ungkapan itu bukan sahaja betul maksudnya malah digunakan juga dalam al-Quran, sebagai contoh: "Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam keseluruhannya dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan" (2: 208); "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan" (24: 21). Menurut tafsiran yang dibuat oleh Ibn Kathīr (1983), jejak syaitan yang dimaksudkan dalam ayat-ayat di atas ialah cara atau perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti yang dilakukan oleh syaitan. Dalam catatan yang dibuat oleh Brockelmann (1945), terdapat kitab yang sama pernah diterbitkan tetapi menggunakan tajuk yang sedikit berlainan, iaitu *Iqtidā' al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm Mukhālafat Aṣḥāb al-Jahīm*. Melalui testimoni oleh Memon, al-Fiqī dan Brockelmann, maka dapatlah dipastikan bahawa *Iqtidā'* ialah sebuah karya tulen yang dihasilkan oleh Ibnu Taymiyyah.

Kitab *Iqtidā'* yang dijadikan rujukan dalam makalah ini ialah edisi tahun 1990 yang disunting oleh Muḥammad Ḥāmid al-Fiqī. Selain itu, edisi beliau yang lebih awal diterbitkan, iaitu pada tahun 1950 di Kaherah juga dibaca bersama. Hal ini dibuat untuk mengenal pasti jika wujud sebarang perbezaan dalam kandungan teks *Iqtidā'*. Seperti kitab-kitab lain yang dihasilkan oleh beliau, Ibnu Taymiyyah memuatkan hampir separuh daripada kandungan *Iqtidā'* dengan petikan ayat-ayat al-Quran, hadis, pendapat para Sahabat dan tabi'in. Sebahagian hadis itu ada yang dinyatakan sanadnya dengan lengkap bagi memudahkan pembaca melihat

sendiri status hadis yang digunakan oleh beliau. Perlu juga dinyatakan bahawa stail Ibnu Taymiyyah ketika menulis ialah mengulangi fakta dan isi yang sama. Selain itu, dakwa Hoover (2010), stail penulisan Ibnu Taymiyyah kadangkala merewang dan melencong jauh daripada fokus sebenar yang mahu diketengahkan. Stail penulisan seperti itu juga boleh dilihat dalam banyak tulisannya yang lain. Walaupun pembaca dipaksa untuk melihat hujah dan dalil yang serupa, namun cara begitu tidaklah menghilangkan tumpuan kepada mesej utama yang beliau ingin nyatakan dalam *Iqtidā'*. Bagi memudahkan pembaca mengikuti pandangan Ibnu Taymiyyah tentang Maulid, makalah ini akan memetik beberapa teks yang relevan dalam *Iqtidā'* berdasarkan turutannya yang betul berserta terjemahannya, manakala, nombor-nombor halaman teks yang dipetik daripada *Iqtidā'* pula akan dinyatakan dalam parentesis selepas petikan teks itu.

Kitab *Iqtidā'* telah disusun dalam 24 fasal atau bab. Secara umumnya, *Iqtidā'* menyentuh tentang isu perayaan, majlis keramaian atau majlis sambutan yang pernah dan sedang dilakukan oleh umat Islam pada zamannya, sebagai contoh Yaum al-Ghatās, Lailah al-Raghā'ib, Yaum 'Āshūrā' dan upacara pemujaan di tempat-tempat keramat. Ibnu Taymiyyah memulakan perbincangannya dalam *Iqtidā'* dengan menyebut beberapa bentuk perayaan orang bukan Islam, khususnya yang disambut oleh orang Kristian. Sebagai contoh, beliau menyebut beberapa perayaan seperti Yaum al-Milād, al-Jum'ah al-Hazīnah (Good Friday)<sup>3</sup>, Yaum al-Sha'ānīn (Palm Sunday)<sup>4</sup>, al-Khamīs al-Muqaddas (Maundy Thursday)<sup>5</sup> dan Yaum al-Bā'ūth. Kemudian diikuti dengan pandangan beliau tentang orang Islam yang turut mengadakan sambutan atau mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan yang disebutkan itu. Ibnu Taymiyyah juga menyedari bahawa terdapat beberapa bentuk amalan yang dijadikan perayaan tetapi bukan berasal daripada orang bukan Islam, bahkan dicipta dan disambut oleh orang Islam sendiri. Sebagai contoh, perbuatan sebahagian umat Islam tatkala menziarahi Masjid al-Aqsa dengan menyentuh dan mencium *ṣakhrāh* (sebuah kubah besar yang telah dibina pada zaman kerajaan Bani Umaiyah, iaitu Khalifah 'Abd al-Mālik pada tahun 691 Masihi dan terletak di Haram al-Sharif, di bawahnya terdapat gua seluas 4.5 meter persegi; lihat Hillenbrand 2012; Nuseibeh dan Oleg 1996; Hillenbrand 2000; Cragg 1964; Omer 2015), menyambut perayaan Lailah al-Raghā'ib dan amalan menziarahi makam para wali menjadi contoh antara beberapa amalan yang termasuk dalam kategori perayaan bidaah. Meskipun begitu, hanya perayaan Maulid dipilih menjadi fokus perbincangan dalam makalah ini kerana Maulid bukan sahaja masih menjadi isu yang dipolemikkan dalam kalangan umat Islam, malah masih menjadi subjek yang dibincangkan secara ilmiah oleh beberapa sarjana seperti Rivauzi (2015), Jamaluddin (2011), Ukeles (2010), Katz (2007) dan Schielke (2006). Ibnu Taymiyyah turut mengetengahkan pendiriannya dalam soal keabsahan dan keharusan menyambut perayaan Maulid. Ironinya, fatwa beliau

tentang Maulid bukan sahaja dipatuhi tanpa soal oleh pelajar dan pengikutnya, malah turut digunakan sebagai justifikasi hujahan oleh golongan yang mahu mengadakan sambutan perayaan Maulid. Menurut Ukeles (2010):

Most Sufi writers [Ukeles merujuk kepada Muhammad Hisham Kabbani, tokoh Sufi Lebanon-Amerika dan Muḥammad Muṣṭafā al-Shanqīṭī, sarjana dan penulis prosufi di Arab Saudi] emphasize Ibn Taymiyya's assertion that some *mawlid* practitioners deserve a great reward and downplay or exclude his negative views on the *mawlid*. Sufi polemicists, in some cases, even turn Ibn Taymiyya's "great reward" statement into a wholehearted endorsement of the *mawlid*.

Sebelum memulakan perbincangan kepada aspek berkenaan isu Maulid dan polemik terhadap fatwa Ibnu Taymiyyah, penting juga untuk diketahui tentang beberapa tulisan lain yang muncul sebelum *Iqtidā'*. Terdapat tiga tulisan yang dikatakan mempunyai tema perbincangan yang hampir sama dengan *Iqtidā'*. Pertama ialah *Talbīs Iblīs* (1995) yang dihasilkan oleh 'Abd al-Raḥmān b. 'Alī b. Ja'far al-Jauzī (m. 1200). Karya itu ditulis oleh Ibn al-Jauzī untuk menjelaskan pendirian dan kritikan beliau tentang beberapa amalan bidaah yang dilakukan oleh masyarakat Islam pada waktu itu. Walaupun *Talbīs Iblīs* tidak menjelaskan apa-apa tentang perayaan orang bukan Islam, namun tema perbincangannya tentang perkara-perkara bidaah yang wujud dalam perayaan atau temasya yang disambut oleh orang Islam yang hidup pada waktu itu boleh dianggap telah mendahului Ibnu Taymiyyah. Sesuai dengan tajuknya, kandungan *Talbīs Iblīs* sebenarnya menumpukan perbincangannya lebih kepada hal berkaitan dengan tipu daya dan manipulasi iblis kepada beberapa golongan manusia seperti ahli teologi, ahli falsafah, pemerintah, fuqaha', ahli sufi dan orang awam. Menurut Ibn al-Jauzī, semua tipu daya itu jika tidak dikenal pasti akhirnya boleh mendorong semua golongan manusia di atas melakukan perkara-perkara yang didakwa sebagai bidaah.

Karya lain yang mempunyai kandungan dan skop yang hampir sama dengan *Iqtidā'* ialah *al-Madkhal* (1995) yang dikarang oleh 'Abd Allāh b. Muḥammad b. al-Ḥājj (m. 1336; faqih Maliki) dan *al-Bā'ith* (n.d.) yang ditulis oleh 'Abd al-Raḥmān Abū Shāmāh (m. 1268; faqih Shafii). Selain kedua-dua buku itu yang memuatkan perbincangan tentang perkara-perkara yang dikatakan bidaah dalam perayaan-perayaan yang disambut oleh orang Islam pada waktu itu, mereka juga turut mengemukakan pandangan masing-masing tentang amalan menyambut Maulid. Penulis mengakui pandangan mereka penting kerana mereka mewakili pendapat daripada mazhab fiqah yang berbeza, iaitu Ibn al-Ḥājj, seorang faqih dalam mazhab Maliki dan Abū Shāmāh pula mengikut mazhab Shafii. Selain itu, kedua-dua karya mereka itu juga telah menjadi rujukan utama oleh orang Islam

dalam konteks pandangan hukum pada waktu itu. Berdasarkan dua justifikasi itu, penulis turut mahu melihat sama ada terdapat pengaruh *al-Madkhal* dan *al-Bā'ith* terhadap fatwa Ibnu Taymiyyah tentang Maulid dalam *Iqtidā'*.

Perbincangan yang terperinci tentang isu perayaan-perayaan bidaah dalam literatur moden khususnya yang memberikan fokus kepada Ibnu Taymiyyah telah dimulakan oleh Muhammad Umar Memon menerusi bukunya yang berjudul *Ibn Taymiyya's Struggle Against Popular Religion* (1976). Buku tulisan Memon itu telah dijadikan sebagai salah satu rujukan yang penting dalam pengkajian pemikiran Ibnu Taymiyyah dan menjadi teks terjemahan *Iqtidā'* kepada bahasa Inggeris yang paling awal pernah dibukukan. Memon membahagikan perbincangannya dalam buku itu kepada tiga bahagian: bahagian pertama ialah rumusan tentang tema-tema utama yang dikemukakan dalam *Iqtidā'*; bahagian kedua ialah penelitian beliau tentang sufisme dan *walāyah* (kewalian); dan bahagian ketiga ialah terjemahan kepada teks *Iqtidā'*. Namun begitu, Memon (1976) mendakwa terdapat satu artikel yang lebih awal diterbitkan menyebut tentang *Iqtidā'*. Artikel itu ditulis oleh penulis Jerman, iaitu Martin Schreiner sekitar tahun 1899. Artikel dalam bahasa Jerman itu mengetengahkan pandangan Schreiner tentang beberapa persoalan am dalam disiplin teologi Islam. Selain itu, Schreiner turut melampirkan beberapa helai salinan manuskrip *Iqtidā'*. Dalam artikel itu, Schreiner tidak sedikit pun menyebut tentang kandungan *Iqtidā'* dan isu Maulid, sebaliknya Schreiner hanya memperkenalkannya kepada pembaca bahawa lampiran-lampiran itu ialah sebahagian daripada karya Ibnu Taymiyyah yang berjudul *Iqtidā'*. Justeru, pada hemat penulis, artikel Schreiner itu bukan yang paling awal mencermati teks *Iqtidā'*. Tidak seperti Schreiner, karya Memon lebih komprehensif, tersudut dan tersusun dalam gaya yang lebih padan, dan sangat berguna sebagai sumber rujukan utama dalam menyiapkan makalah ini. Berhubung persoalan Maulid pula yang menjadi fokus dalam makalah ini, Memon (1976) menyebutnya sebanyak tiga kali dan hanya satu yang dihubungkan kepada Ibnu Taymiyyah.

Selepas itu, diskusi tentang *Iqtidā'* dalam literatur moden muncul sekali lagi pada tahun 2010 melalui artikel yang ditulis oleh Raquel M. Ukeles (2010). Dalam artikel itu, Ukeles telah menyebut tentang perayaan Maulid dan hubungannya dengan Ibnu Taymiyyah. Ukeles juga telah mengemukakan polemik yang berlaku dalam kalangan sarjana berhubung fatwa Maulid yang telah dikeluarkan oleh Ibnu Taymiyyah dalam *Iqtidā'*. Meskipun begitu, penulis berpendapat bahawa tulisan Ukeles masih belum dapat merungkai persoalan yang terdapat di sebalik polemik berhubung fatwa Ibnu Taymiyyah tentang perayaan Maulid. Malah Ukeles sejak awal lagi dalam analisisnya dilihat kurang bersetuju dengan pendapat golongan ulama yang menolak keharusan perayaan Maulid. Sebagai contoh, Ukeles (2010) telah mengemukakan pendapat Muḥammad b. Ibrāhīm al-Shaykh,

Ismā'īl b. Muḥammad al-Anṣārī dan 'Abd al-'Azīz b. 'Abd b. Bāz (m. 1999). Oleh sebab ketiga-tiga mereka ialah sarjana yang tinggal di Arab Saudi, maka Ukeles mengkategorikan mereka dalam golongan 'Salafi' (penulis berpendapat pengkategorian sebegini kurang tepat kerana maksud Salafi ialah mereka yang mahu mempertahankan ajaran Islam yang murni seperti yang diamalkan oleh para Sahabat tanpa membataskannya kepada kawasan atau zaman tertentu; lihat Mohd Farid 2011; Aḥmad Farīd 2003; Abdul Shukor 1998; al-Faruqi 1992). Selain itu, Ukeles (2010) turut menyebut pandangan golongan ulama pro-Maulid seperti Kabbani dan al-Shanqīṭī. Mereka telah mendakwa bahawa Ibnu Taymiyyah juga memuji perayaan Maulid. Berikut ialah fatwa Ibnu Taymiyyah yang terdapat dalam *Iqtidā'* dan dijadikan rujukan oleh Kabbani dan al-Shanqīṭī:

Maka memuliakan perayaan Maulid dan menjadikannya satu perayaan bermusim (*mausimīn*); dilakukan oleh sebahagian orang; dan ia menjadikan padanya terdapat di dalamnya ganjaran pahala yang besar sebab niatnya yang baik dan memberi kemuliaan kepada Rasulullah s.a.w. Sebagaimana yang telah aku nyatakannya kepada kamu bahawa itu dikatakan baik oleh sebahagian orang; apa dikatakan keji oleh sebahagian orang yang benar-benar faham dalam agama (*al-mu'min al-musaddad*) (297).

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, rumusan yang telah dibuat oleh Ukeles masih tidak menyelesaikan polemik yang timbul sebaliknya menjadi bertambah bingung apabila Ukeles (2010) menegaskan bahawa Ibnu Taymiyyah, dalam fatwa ringkas seperti dalam petikan di atas, telah menfatwakan perayaan Maulid sebagai bidaah dan tidak bidaah. Dalam erti kata lain, Ukeles ingin menyebut bahawa Maulid itu pada umumnya ialah bidaah, tetapi Maulid itu boleh bertukar menjadi tidak bidaah jika perayaan itu disambut oleh sebahagian orang yang mempunyai niat untuk memuliakan Nabi Muhammad SAW. Maksud fatwa yang mahu diketengahkan oleh Ukeles itu dilihat bermasalah, seolah-olah ada sesuatu yang tidak lengkap atau tertinggal, malah terdapat kemungkinan telah berlaku salah faham ketika Ukeles membuat interpretasi terhadap fatwa itu. Justeru, makalah ini bertujuan untuk meneliti semula, dengan lebih berhati-hati, kandungan fatwa Maulid yang dikemukakan oleh Ibnu Taymiyyah dalam *Iqtidā'*. Fokus turut diberikan kepada hasil kajian Ukeles dan Memon. Selain itu, makalah ini juga mahu mengenal pasti kaitan fatwa Maulid itu dengan kronologi dan konteks zaman fatwa itu dikeluarkan. Menyedari akan tahap keserjanaan Ibnu Taymiyyah yang genius seperti yang dilaporkan oleh ramai penulis (Mohd Farid 2011; Mohamad Kamil, Mat Zain dan Hassan 2010), selain sifat dan pendirian beliau yang pragmatik dan tidak ultrakonservatif dalam ilmu (Michot 2007), maka menjadi kurang munasabah jika Ibnu Taymiyyah didakwa telah mengeluarkan fatwa yang bermasalah dan tidak matang. Berdasarkan integriti dan kredibiliti keserjanaan yang dimiliki oleh

Ibnu Taymiyyah (Maududi 1963), fatwa Maulid itu tentunya telah dikeluarkan oleh beliau melalui satu proses ijtihad yang teliti dan mengambil kira aspek-aspek pematuhan syariah dan berdasarkan keadaan semasa serta masyarakat setempat.

Selain karakter beliau itu, *Iqtidā'* dilihat sebagai salah satu karya penting yang mempunyai ciri-ciri unik yang tersendiri. Dalam karya itu, Ibnu Taymiyyah banyak memuatkan analisis beliau tentang beberapa jenis perayaan orang bukan Islam yang turut disambut oleh orang Islam. Ketika membahaskan soal keharusan orang Islam menyambut atau mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan orang bukan Islam itu, Ibnu Taymiyyah telah mengemukakan komentarnya yang dilihat signifikan berhubung pencerahan tentang istilah bidaah. Selain membuat parafrasa atau rumusan terhadap semua pandangan Ibnu Taymiyyah, makalah ini mahu memberikan ruang yang cukup kepada beliau untuk bercakap terlebih dahulu, kemudian barulah komen akan dikemukakan pada setiap kali selepas fatwa atau pandangannya dipetik dan diberikan terjemahan yang sesuai. Komen-komen ini dibuat setelah semua pandangan Ibnu Taymiyyah diteliti terlebih dahulu dengan teks-teks lain yang relevan.

### Asal Usul Perayaan Maulid

Perbincangan tentang sejarah permulaan Maulid dalam literatur moden telah dilakukan oleh beberapa penulis. Melalui tulisan-tulisan itu, beberapa pandangan telah dikemukakan tentang asal usul perayaan Maulid. Sebanyak lapan sumber yang diyakini boleh menyumbang data-data untuk mendapatkan fakta yang tepat berkenaan sejarah permulaan perayaan Maulid yang telah digunakan. Sumber pertama dan paling awal ialah 'Abd al-Salām b. al-Ḥasan b. al-Ṭuwayr (1992) dalam *Nuzhah al-Muqlatayn fī Akhbār al-Daulatayn* (selepas ini hanya disebut *Nuzhah*). Menurut beliau, perayaan Maulid yang paling awal pernah dianjurkan ialah pada zaman dinasti Fatimiyyah di Kaherah. Sumber kedua ialah Aḥmad b. 'Alī al-Maqrīzī (2002) dalam *Mawā'iz al-I'tibār fī dhikr al-Khiṭaṭ wa al-Athār* (selepas ini hanya disebut *Khiṭaṭ*). Tulisan al-Maqrīzī menjadi sumber rujukan yang standard dalam sejarah Mesir khususnya tentang sejarah dinasti Fatimiyyah dan Mamlūk. Seperti Ibn al-Ṭuwayr, beliau juga berpendapat bahawa perayaan Maulid paling awal berlaku pada zaman dinasti Fatimiyyah. Sumber ketiga ialah *Encyclopaedia of Islam* yang diterbitkan oleh E.J. Brill. Penyusun ensiklopedia itu telah menghubungkan Maulid dengan perayaan api Zoroastrian [kepercayaan teologi yang muncul pada tahun 1200 sebelum Masihi dan dianuti oleh golongan elit empayar Parsi; menurut Boyce (2001) dan Armstrong (2014), sejarah awal Zoroastrian masih lagi kabur]: "The fires lit at Isfahān about 313/935 to celebrate Muhammad's birthday seem to have been inspired by Zoroastrian winter fire festivals" (*EI*<sup>2</sup>, s.v. "Majus"). Namun, dakwaan itu yang asalnya dikutip daripada



tulisan Spuler (1952) tidak pula disebut dalam sumber-sumber sekunder yang lain, malah dalam ensiklopedia yang sama tetapi di bawah entri "Mawlid", mereka tidak pula menyatakan kaitan antara perayaan Maulid dengan kepercayaan Zoroastrian. Oleh itu, mereka dilihat hanya memetik secara bulat-bulat dakwaan yang dibuat oleh Spuler. Walau bagaimanapun, Spuler sebaliknya tidaklah membuat dakwaan sebegitu rupa tanpa menyebut apa-apa rujukan tetapi beliau menggunakan laporan yang diberikan oleh 'Alī b. Muḥammad b. al-Athīr (m. 1233) dalam *al-Kāmil fī al-Tārīkh* bahawa malam perayaan Maulid (*laylat al-milād*) yang berlaku pada tahun 945 Masihi ialah malam perayaan nyalaan api (*laylat al-wuqūd*). Pada malam itu sebuah unggun api raksasa telah dibina melalui arahan Mardāwīj b. Ziyār (m. 935), pengasas dinasti Ziyarid di Iran (Ibn al-Athīr 1966). Menurut Spuler (1952), *laylat al-wuqūd* yang disebut dalam *al-Kāmil* itu ialah perayaan unggun api yang biasanya dilakukan oleh pengikut kepercayaan Zoroastrian setiap tahun tatkala datangnya musim sejuk di Iran. Pandangan Spuler adalah betul apabila beliau menyatakan bahawa *laylat al-wuqūd* telah diinspirasikan daripada perayaan api Zoroastrian. Tetapi dakwaan beliau bahawa perayaan api pada malam itu yang ditaja oleh Mardāwīj sebagai perayaan menyambut Maulid adalah tidak tepat. Terdapat satu sumber lain, iaitu *Kitāb Tajārib al-Umam* yang meragui bahawa *laylat al-wuqūd* adalah benar-benar satu perayaan untuk menyambut Maulid. Penulisnya Aḥmad b. Muḥammad b. Miskawayh (m. 1030) (1920) berpendapat bahawa *laylat al-wuqūd* itu ialah perayaan *Sadhaq*, iaitu perayaan tradisi pengikut kepercayaan Zoroastrian yang disambut pada bulan Bahman, salah satu nama bulan dalam kalendar Zoroastrian. Menurut Katz (2007), teori yang dikemukakan oleh Ibn Miskawayh adalah lebih tepat setelah beliau mendapati terdapat laporan yang sama telah diberikan oleh Abū Rayḥān Muḥammad b. al-Bīrūnī (m. 1048) dalam *The Chronology of Ancient Nations*. Selain Spuler, tidak ada penulis lain yang mengaitkan *laylat al-wuqūd* dengan perayaan Maulid. Oleh itu, dakwaan Spuler bahawa perayaan Maulid diambil daripada perayaan api Zoroastrian masih belum dapat dibuktikan kesahihannya.

Selain itu, tiga sumber lain, iaitu Grunebaum (1976), Kaptein (1993) dan Katz (2007) masing-masing menyatakan bahawa perayaan Maulid yang paling awal pernah dianjurkan ialah pada zaman dinasti Fatimiyyah di Kaherah. Dalam tempoh 200 tahun lebih pemerintahan dinasti itu, iaitu dari tahun 358/969 hingga 567/1171, perayaan Maulid telah disambut hampir setiap tahun malah dijadikan sebagai salah satu perayaan penting yang eksklusif kepada golongan atasan (Kaptein 1993). Dalam laporan yang diberikan oleh *Encyclopaedia of Islam*, selain sambutan Maulid Nabi Muhammad SAW, dinasti Fatimiyyah turut mengadakan perayaan untuk menyambut Maulid 'Alī (iaitu 'Alī b. Abī Ṭālib, sepupu dan menantu kepada Nabi Muhammad SAW) dan Maulid Fāṭimah (iaitu Fāṭimah bt. Muḥammad, anak perempuan kepada Nabi Muhammad SAW) sebagai satu pengisytiharan bahawa

dinasti itu secara rasminya mengikut fahaman Shi'ah. Di samping itu, majlis juga dianjurkan secara besar-besaran untuk menyambut hari kelahiran pemimpin-pemimpin utama dinasti Fatimiyyah. Penulis bersetuju dengan Katz (2007) bahawa perayaan sambutan hari kelahiran para pemimpin dinasti Fatimiyyah itu tidak diadakan secara suka-suka sahaja, sebaliknya perayaan itu mempunyai motif untuk mengukuhkan fahaman Shi'ah dan mempunyai agenda politik. Dalam fahaman Shi'ah, salah satu kepercayaan utama yang didoktrinkan ialah konsep *imāmiyyah*. Menurut kepercayaan itu, seorang *imām* atau pemimpin mempunyai status elit dan kedudukan yang sangat tinggi. Malah mereka dianggap golongan yang paling layak dan paling berautoriti untuk bersuara dalam sistem pembuat keputusan berkaitan urusan keagamaan dan hal ehwal kenegaraan. Dalam banyak kes, penulis mempunyai pendapat yang sama dengan Michot (2014) bahawa golongan *imām* itu menjadi pemveto dalam setiap keputusan yang mahu dibuat. Oleh itu, pemerintah dinasti Fatimiyyah mahukan setiap hari kelahiran mereka itu dijadikan sebagai satu perayaan rasmi dalam kalendar aktiviti negara supaya rakyat bawahan dapat mengingatinya dan terus menyumbangkan taat setia kepada mereka. Alasan lain kenapa hari kelahiran para *imām* itu dipentingkan dalam dinasti Fatimiyyah ialah untuk memberitahu kepada rakyat bahawa para *imām* datang daripada status keluarga yang sangat mulia kerana menurut Katz (2007) mereka mempunyai salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW. Sehubungan itu, melalui pemeriksaan ke atas tiga sumber yang disebutkan tadi, sama seperti Ibnu al-Ṭuwayr dan al-Maqrīzī, itulah waktu perayaan Maulid yang dipercayai paling awal telah disambut oleh manusia.

Sumber ketujuh ialah laporan daripada Schimmel (1985) yang bukan sahaja berbeza dan mengejutkan, malah jika laporan itu dapat dibuktikan sahih, maka laporan itu boleh mengubah seluruh struktur perbincangan dalam literatur tentang Maulid. Schimmel (1985) telah membuat dakwaan dalam bukunya, *And Muhammad is His Messenger*, bahawa perayaan Maulid telah mula disambut sejak zaman Khulafa' al-Rashidun. Dakwaan itu dibuat oleh beliau setelah memeriksa kandungan dokumen yang mengandungi fatwa yang diberikan oleh M.A. Awwary. Tidak banyak maklumat yang diketahui tentang Awwary selain beliau ialah bekas mufti yang pernah bertugas di Afrika Selatan. Dalam dokumen itu, Awwary mendakwa terdapat bukti yang cukup untuk mengatakan bahawa terdapat beberapa orang Sahabat pernah mengadakan majlis sambutan Maulid:

The *mufti* judges that "from the enlightened period of the four caliphs there is sufficient and strong proof that the esteemed companions of the holy Prophet Muhammad had established in their homes and in their gathering *mīlād an-nabī*". (*Muslim Digest* 1982; Schimmel 1985)

Pendapat Awwary itu agak sukar untuk diterima kerana tidak ada sumber lain yang mengesahkan keterangan beliau itu. Meskipun Schimmel menyedari kekurangan itu, namun beliau tetap memperlihatkan sikap untuk mempertahankan pendapat Awwary itu walaupun beliau sendiri gagal mengemukakan dengan terperinci semua sumber yang telah digunakan oleh Awwary. Sebaliknya Schimmel (1985) hanya memberikan deskripsi umum tentang beberapa sumber yang menurut dakwaan beliau telah dirujuk oleh Awwary, iaitu berupa beberapa karya klasik Arab (tidak dinyatakan pula judul atau pengarangnya) yang disimpan sebagai buku teks di Pusat Pengajian Islam Darul Uloom Deoband, India. Selebihnya ialah sumber berupa koleksi-koleksi puisi dan syair dalam bahasa Parsi dan Urdu. Sumber-sumber yang dikemukakan oleh Awwary itu tidak boleh dianggap mempunyai autoriti dan wibawa yang cukup untuk mengesahkan keterangan bahawa perayaan Maulid telah benar-benar berlaku pada zaman Sahabat. Jika dakwaan itu benar tentulah terdapat catatan dalam tulisan-tulisan lain yang lebih berautoriti. Berdasarkan faktor itu, maka Schimmel dan Awwary dilihat tidak berjaya untuk mempertahankan keabsahan dan legitimasi ilmiah dalam dakwaan yang telah dibuat oleh mereka itu. Oleh itu, penulis menolak wujudnya kemungkinan bahawa perayaan Maulid telah bermula pada zaman Sahabat.

Tinggal hanya satu lagi sumber yang belum dianalisis, iaitu Memon (1976). Menurut dakwaan Ukeles (2010), naskhah yang dihasilkan oleh Memon merupakan dokumen terjemahan *Iqtidā'* yang paling awal dalam bahasa Inggeris (Ukeles 2010). Penulis juga tidak menjumpai naskhah terjemahan lain yang lebih awal, justeru bersetuju dengan dakwaan Ukeles itu. Bagi penulis, Memon bukan sahaja telah menterjemahkan *Iqtidā'*, malah telah menyediakan satu laporan yang deskriptif tentangnya. Dalam erti kata lain, Memon melakukan terjemahan dan membuat penataan ke atas kandungan *Iqtidā'* agar menjadi lebih tersusun. Kelebihan karya itu ialah kerana kesesuaiannya menjadi perkakas gagasan atau *conceptual tool* yang membolehkan pembaca mengolah idea untuk membentuk buah fikiran tentang Ibnu Taymiyyah dan *Iqtidā'*. Berhubung polemik tentang masa sambutan Maulid, Memon meletakkan masa paling awal bermulanya sambutan perayaan Maulid ialah pada akhir kurun ke-12 Masihi berdasarkan laporan yang diberikan oleh Muḥammad b. Aḥmad b. al-Jubair (m. 1217) dalam *Rihlah*: "Exactly when this festival first appeared among Muslims is not known, but some of its essential features were already apparent to Ibn Jubair during his visit to Mecca in the late 6th/12th century" (Memon 1976).

Tidak seperti penulis lain, Memon langsung tidak menyebut tentang Maulid yang telah dianjurkan pada zaman dinasti Fatimiyyah. Malah, berhubung dengan laporan Ibnu Jubair di atas, beliau juga tidak mengemukakan sebarang catatan lanjut yang menjelaskan perkara dan peristiwa yang telah dilihat oleh Ibnu Jubair.

Memon sebaliknya kelihatan lebih berminat dengan laporan Aḥmad b. Muḥammad b. Khallikān (m. 1282) dalam *Wafayāt al-A'yān* tentang perayaan Maulid yang berlaku di Irbil, 100 tahun selepas Ibnu Jubair melawat Mekah: "The historian Ibn Khallikān (d. 1282) has preserved a graphic account of one such celebration arranged by Kökbürü [Muzaffar al-Dīn Kūkbūrī] at Arbela [Irbil], of which the historian himself was a native" (Memon 1976). Memon (1976) seterusnya menambah:

People came in large numbers from 'Baghdad, Mosul, Mesopotamia, Sinjār, Nasībīn, Persian Irāk, and all other places in the vicinity', to attend the festival; the celebration lasted for several days and highlighted performances by singers, musicians, poets and even by a 'troop of exhibitors of Chinese shadows', besides religious music, preaching, and recitation of eulogies of the Prophet composed especially for the occasion.

Maklumat lanjut tentang perayaan Maulid di Irbil itu telah dilaporkan dengan lengkap dan panjang lebar oleh Ibnu Khallikān (1948), juga seorang sejarawan yang berasal dari Irbil. Menurut Grunebaum (1976), Irbil yang disebutkan dalam laporan Ibnu Khallikān ialah sebuah tempat di daerah Mosul. Kūkbūrī telah diberikan jurisdiksi untuk memerintah Mosul oleh Ṣalāḥ al-Dīn Yūsuf b. Ayyūb (m. 1193) selepas terlibat dengan kempen jihad Ṣalāḥ al-Dīn dalam Perang Salib untuk merampas kembali Palestin dan Syria (*EI*<sup>2</sup>, s.v. "Begteginids"). Perayaan Maulid di Irbil itu telah bermula pada 1 Muharam hingga 12 Rabiulawal tahun 1207 (Grunebaum 1976) dan disambut secara besar-besaran oleh Kūkbūrī. Memon (1976) melihat perayaan itu sengaja diadakan dalam tempoh yang lama, iaitu selama hampir tiga bulan dan penyertaan ke dalam perayaan itu dibuka kepada orang ramai sebagai satu strategi agar Kūkbūrī dapat memantapkan lagi kedudukan politiknya di Mosul dan menghebahkan kepada umum tentang dirinya yang mempunyai hubungan sebagai ipar kepada Ṣalāḥ al-Dīn.

Melalui analisis yang telah dibuat terhadap lapan sumber di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat tiga pandangan berhubung asal usul perayaan Maulid. Pandangan pertama telah menyebut bahawa perayaan Maulid bermula pada zaman dinasti Fatimiyah di Mesir, iaitu sekitar tahun 969 Masihi; manakala pandangan kedua mendakwa Maulid mula disambut pada akhir kurun ke-12 Masihi di Mekah; dan pandangan ketiga mengatakannya bermula pada tahun 1207 Masihi di Irbil. Berhubung dengan laporan Ibnu Jubair yang mendakwa telah menyaksikan perayaan Maulid di Mekah, tidak ada penulis lain yang menyebut dan mengesahkannya selain Memon. Hal ini berbeza pula dengan perayaan Maulid di Irbil, selain Memon, penulis lain seperti Grunebaum, Kaptein dan Katz turut menyebutnya. Satu perkara lagi yang perlu dinyatakan di sini ialah apakah

rasional Memon tidak memasukkan fakta tentang perayaan Maulid yang berlaku di Mesir dalam bukunya. Adalah tidak munasabah jika dikatakan Memon telah terlepas pandang akan peristiwa penting yang berlaku pada zaman pemerintahan dinasti Fatimiyyah itu. Penulis berpendapat bahawa terdapat kemungkinan bahawa tindakan Memon itu telah dipengaruhi oleh latar belakang sejarawan yang beliau rujuk. Laporan tentang perayaan Maulid yang berlaku pada zaman dinasti Fatimiyyah telah dikemukakan oleh sejarawan besar Mesir dalam dinasti Fatimiyyah seperti Ibnu al-Ṭuwayr dan al-Maqrīzī yang penulis percaya mewakili tradisi intelektual Shi'ah. Oleh sebab itu, tidaklah ganjil jika perayaan Maulid di Mesir itu tidak dijumpai dalam tulisan-tulisan atau laporan-laporan yang dihasilkan oleh sejarawan dalam tradisi intelektual Sunni seperti Ibnu Jubair dan Ibnu Khallikān. Justeru, hal itu telah dapat menjelaskan kenapa Memon hanya mengemukakan laporan yang diberikan oleh Ibnu Jubair dan Ibnu Khallikān, dua sejarawan besar yang jelas tidak berasal daripada tradisi intelektual Shi'ah.

Oleh itu, agak sukar untuk menolak pandangan bahawa perayaan Maulid yang telah disambut oleh umat Islam hingga ke hari ini sebenarnya bermula di Mesir, tatkala tampuk pemerintahannya dikuasai oleh dinasti Fatimiyyah seperti yang disebut dalam laporan oleh Ibnu al-Ṭuwayr dan al-Maqrīzī dan kajian yang dibuat oleh Grunebaum (1976), Kaptein (1993) dan Katz (2007). Malah Kaptein (1993) menambah, selepas Mesir tidak lagi dikuasai oleh dinasti Fatimiyyah, perayaan Maulid dihentikan buat seketika sebelum disambung semula oleh Kūkbūrī di Irbil. Melalui kajian dan analisis yang telah penulis lakukan dan kemukakan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa asal usul perayaan Maulid boleh dikesan sejarah permulaannya sehingga ke dinasti Fatimiyyah dan tidaklah ada dijumpai setakat ini dalam sumber-sumber lain yang berautoriti menyebutkan perayaan Maulid berlaku lebih awal daripada zaman dinasti Fatimiyyah itu, apatah lagi hingga ke zaman Sahabat dan zaman Nabi Muhammad SAW.

### **Maulid pada Zaman Ibnu Taymiyyah (1263–1328)**

Tidak banyak sumber yang menyatakan dengan terperinci tentang perayaan Maulid yang berlaku sekitar usia Ibnu Taymiyyah. Namun, kekurangan sumber itu tidaklah menafikan bahawa Maulid telah disambut oleh umat Islam pada zaman beliau. Andaian itu dibuat berdasarkan fatwa Maulid yang dikemukakan oleh Ibnu Taymiyyah dan beberapa ulama lain yang sezaman dengan beliau. Kebiasaannya Ibnu Taymiyyah mengeluarkan fatwa kerana mahu memberi respons kepada perkara yang sedang berlaku atau beliau diminta untuk memberi pandangan oleh seseorang tentang sesuatu. Selain fatwa itu yang boleh dijadikan sebagai bukti tentang sambutan Maulid, terdapat satu lagi kenyataan yang boleh digunakan sebagai bukti:

Other than sermons, religious celebrations of various sorts were other occasions during which ordinary Muslims might fall under the spell of Sufi *shaykhs*. First and foremost of these events in Mamluk Cairo was the *mawlid* (*mūlid*, in the vernacular), the celebration of the Prophet's birthday on the twelfth day of Rabī' al-Awwal. Muḥammad b. Aḥmad b. Manzūr (d. 1277) [ahli Sufi, lihat al-Yūnīnī 1954], who, together with his disciples, lived in a *zāwīya* [rumah tumpangan Sufi] in al-Maqs [terletak berdekatan Terusan Nasiri, Kaherah], performed a *mawlid* every year in the presence of a large crowd. (Shoshan 1993)

Teks Shoshan (1993) di atas menunjukkan bahawa perayaan Maulid pernah disambut oleh orang Islam, khususnya penduduk yang tinggal di bandar al-Maqs. Perayaan itu disambut setiap tahun sehingga Ibn Manzūr meninggal dunia pada tahun 1277. Selain itu, penduduk di Tanta (terletak di wilayah Gharbiyyah) telah membuat penambahan dengan mengadakan sambutan perayaan Maulid ahli-ahli Sufi yang tertentu:

In addition to the Prophet's, there emerged *mawlids* to honour various Sufi saints. First on the list should be the *mawlid* at Taṅṭā, in the Gharbiyya province, to commemorate Aḥmad al-Badawī (1200-76), the most popular Egyptian saint up to our own time. (Shoshan 1993)

Berdasarkan kedua-dua teks Shoshan (1993) itu terdapat dua aspek yang boleh dikemukakan. Pertama, orang Islam pada zaman kesultanan Mamluk (1250–1510), termasuk ketika zaman Ibnu Taymiyyah yang meliputi negeri Syria, Mesir, Palestin dan Hijaz (Mohd Farid 2011), telah mengadakan dua jenis sambutan Maulid, iaitu Maulid Nabi Muhammad SAW dan Maulid pemimpin-pemimpin utama kumpulan Sufi. Kedua, perayaan-perayaan Maulid pada waktu itu telah dikendalikan oleh pemimpin-pemimpin kumpulan Sufi. Selain kedua-dua perayaan Maulid itu dihadiri dan disambut oleh para pengikut kumpulan Sufi, majlis itu turut dihadiri oleh orang Islam lain yang bukan pengikut aliran Sufi.

Dominasi kumpulan-kumpulan Sufi dalam melakukan sambutan perayaan Maulid pada waktu itu dapat juga dijelaskan melalui kebanjiran ahli-ahli Sufi di bandar-bandar utama seperti Kaherah, Tanta dan Damsyik. Kehadiran mereka bukan sahaja telah diterima dengan senang oleh orang ramai sehingga menjadi dominan dan dapat menguasai kebanyakan masjid, malah menurut Michot (2012), mereka juga mendapat sokongan yang kuat daripada orang ramai. Sebagai contoh, pada tahun 1308, 500 orang Islam di Kaherah yang terdiri daripada pengikut Sufi dan orang awam telah menyertai Ibn 'Aṭā' Allāh al-Iskandarī (m. 1309; ahli Sufi Kaherah) dan Karīm al-Dīn al-Amulī (m. 1310; ahli Sufi Kaherah) menganjurkan perarakan raksasa di bandar itu (Memon 1976). Menurut Shoshan (1993), matlamat utama

perarakan itu ialah "to protest against Ibn Taymiyya, the leading theologian of the age, because of his polemics directed against the Shādhilite Sufis". Memon (1976) pula berpendapat bahawa protes itu dianjurkan setelah Ibnu Taymiyyah mengkritik doktrin Sufisme Ibn 'Arabī (m. 1240; ahli Sufi Andalusia). Meskipun begitu, tidaklah begitu penting dalam konteks ini kepada siapa Ibnu Taymiyyah menghantar kritiknya, sebaliknya hal yang ingin penulis tunjukkan melalui insiden perarakan di atas ialah betapa besar dan dominannya pengaruh Sufi pada zaman Ibnu Taymiyyah.

Bagaimana pula dengan pendirian fuqaha' selain Ibnu Taymiyyah berhubung persoalan Maulid. Menurut laporan Ukeles (2010), kebanyakan fuqaha' pada zaman kesultanan Mamluk melihat Maulid sebagai satu perayaan yang dipuji: "For many medieval jurists, the *mawlid*, which venerated the Prophet's birth and showed gratitude to God for sending him, was the most compelling of all the popular devotional innovations."

Seperti yang telah dikemukakan sebelum ini bahawa sambutan perayaan Maulid dan gerakan aliran Sufi adalah sangat dominan pada zaman Ibnu Taymiyyah, kenyataan Ukeles seperti dalam teks di atas adalah sejajar. Malah boleh dikatakan bahawa terdapat fuqaha' yang telah melambungkan sanjungan yang tinggi kepada sebahagian pemimpin kumpulan Sufi dan mengharuskan pelbagai disiplin kerohanian dalam Sufi, termasuklah perayaan Maulid. Sebagai contoh, Abū Shāmāh (n.d.) memuji ketokohan dan sumbangan 'Umar b. Muḥammad al-Mallā' (m. 1174; ahli Sufi Mosul) dalam *al-Bā'ith*:

Antara amalan bidaah baik (*bid'ah ḥasanah*) diadakan (*ubtudi'a*) pada zaman kita ialah seperti yang berlaku di kota Irbil-moga Allah menjadikan kota ini bertambah kuat-setiap tahun pada tanggal sambutan Maulid Nabi s.a.w ... kerana semua ini [sambutan Maulid] termasuklah berbuat ihsan kepada golongan fakir merupakan pernyataan kecintaan kepada Nabi, kepatuhan dan keimanan kepada baginda yang tersemat di dalam hati setiap pelakunya, dan merupakan pernyataan kesyukuran kepada Allah di atas rahmat yang telah dikurniakan iaitu dengan diutuskan RasulNya sebagai rahmat kepada seluruh alam dan semua rasul. Dan orang pertama yang menyambutnya [Maulid] ialah Shaykh 'Umar ibn Muḥammad al-Mallā', seorang yang warak dan terkenal, diikuti oleh pemerintah kota Irbil [Kūkbūrī] dan disambung pula oleh yang lain-moga Allah memberi rahmat ke atas mereka-kerana mengikutinya [al-Mallā'] dalam hal itu [sambutan Maulid].

Dalam kenyataan di atas, Abū Shāmāh jelas mengakui perayaan Maulid ialah satu amalan bidaah tetapi mengharuskannya dengan menganggap perayaan itu ialah bidaah yang dipuji (*bid'ah ḥasanah*). Selain itu, melalui kenyataan tersebut juga

boleh dikenal pasti dua aspek penting yang menjadi asas hujah beliau tentang keharusan perayaan Maulid. Aspek pertama ialah Abū Shāmah melihat kepada niat baik yang dipunyai oleh setiap manusia yang mahu menyambut Maulid, iaitu niat baik untuk menyatakan kecintaan dan keimanan kepada baginda Nabi Muhammad SAW. Oleh sebab niat yang dimiliki manusia ialah sesuatu yang pada hakikatnya tersembunyi (Dien 2004), maka penulis berpendapat bahawa Abū Shāmah menyimpulkannya setelah melihat kepada tindakan lahiriah mereka. Aspek kedua ialah perayaan Maulid telah disambut oleh sebahagian individu yang dianggap warak dan alim. Walaupun Abū Shāmah sendiri telah mengakui bahawa Maulid itu perkara bidaah, tetapi beliau juga berpendapat Maulid tetap bidaah yang dipuji berdasarkan tindakan duluan sebahagian individu yang dianggap soleh. Ketetapan yang serupa kemudiannya telah diberikan oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (m. 1505). Seperti Abū Shāmah, al-Suyūṭī turut memperakui bahawa Maulid ialah bidaah yang dipuji (lihat juga Memon 1976).

Dalam nada yang berbeza, fatwa Abū Shāmah dipertikaikan oleh Tāj al-Dīn al-Fākihānī (m. 1334) dan Ibn al-Ḥājj al-'Abdarī (m. 1336). Kedua-dua sarjana ini mendakwa Maulid bukanlah satu amalan bidaah yang dipuji malah sebaliknya amalan itu perlu ditinggalkan. Al-Fākihānī dalam kritiknya terhadap perayaan Maulid menyebut: "Maulid ialah bidaah yang dicipta (*aḥdathahā*) oleh orang yang sering melakukan amalan sia-sia (*al-baṭṭālūn*) dan oleh orang yang mempunyai perasaan gelojoh (*al-akkālūn*)" (Ukeles 2010).

Al-Fākihānī bukan sahaja menganggap perayaan Maulid itu bidaah yang dikeji malah turut mengecam Shaykh 'Umar al-Mallā' kerana menganjurkan perayaan itu kepada umat Islam. Ibn al-Ḥājj (1995) pula ketika mengkritik perayaan Maulid, beliau lebih banyak mengkritik tentang cara perayaan itu disambut dengan nyanyian dan mainan pelbagai alat muzik yang pada hemat beliau menjejaskan kebesaran dan kemuliaan hari kelahiran Nabi Muhammad SAW:

Antaranya [amalan bidaah yang dikeji] ialah menyambut Maulid dengan persembahan nyanyian ghazal diiringi oleh muzik seperti tamburin, seruling dan lain-lain yang biasa digunakan orang dalam persembahan muzik ghazal. Tatkala orang itu membuat persembahan tersebut, mereka dianggap telah melakukan tindakan yang dikecam kerana melakukan amalan bidaah yang dikeji pada hari [Maulid] Allah S.W.T menjanjikan kelebihan dan kemuliaan. Tidak dapat lagi diragui persembahan nyanyian dan muzik ghazal itu meskipun dilakukan pada hari yang lain [bukan Maulid] tetap masih tidak diharuskan. Justeru, bagaimana pula keadaannya jika persembahan yang sama dianjurkan pula pada hari [Maulid] yang Allah S.W.T kurniakan banyak kelebihan itu.



Dalam petikan di atas, Ibn al-Ḥājj telah mengemukakan dua pendapat yang penting. Pertama ialah Ibn al-Ḥājj mengakui bahawa sambutan perayaan Maulid yang berlangsung pada waktu beliau ialah amalan bidaah yang dikeji; bukan kerana sifat perayaan Maulid itu tetapi disebabkan cara Maulid itu disambut oleh umat Islam. Kedua ialah Ibn al-Ḥājj percaya ada merit di sebalik tanggal jatuhnya hari Maulid. Pendapat pertama, iaitu dakwaan beliau tentang wujudnya persembahan hiburan dan muzik dalam sambutan perayaan Maulid langsung tidak disebut oleh Abū Shāmah. Tidak diketahui sebab Abū Shāmah berbuat demikian. Sedangkan memang benar wujud persembahan nyanyian seperti dakwaan Ibn al-Ḥājj berdasarkan laporan yang diberikan oleh Ibn Khallikān (1948): "perayaan itu [Maulid] berlangsung selama beberapa hari dan menampilkan persembahan nyanyian, muzik, syair termasuklah persembahan wayang dari negara China."

Dalam pendapatnya yang kedua, Ibn al-Ḥājj juga didapati tidak sefahaman dengan Abū Shāmah. Melalui kenyataannya tentang Maulid, Abū Shāmah menganggap Maulid ialah amalan bidaah yang dipuji kerana Maulid pernah disambut oleh orang yang soleh dan niat mereka untuk menyatakan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW, sedangkan Ibn al-Ḥājj memuji Maulid semata-mata kerana berlakunya satu peristiwa penting pada tarikh itu. Pujiannya itu tidak ada kaitan dengan amalan menyambut Maulid. Oleh itu, penulis melihat pandangan Ukeles (2010) kurang tepat apabila beliau mendakwa Ibn al-Ḥājj pada prinsipnya memuji perayaan Maulid sebagai bidaah yang dipuji dan hanya tidak berpuas hati dengan cara penganjurannya. Sebaliknya Ibn al-Ḥājj juga sependapat dengan al-Fākihānī, iaitu Maulid ialah perayaan bidaah dan jika tidak mendatangkan dosa sekalipun, menurut mereka perayaan itu jelas bukan sebahagian daripada sunah Nabi Muhammad SAW dan bukan menjadi amalan kebiasaan golongan Sahabat. Sikap yang ditunjukkan oleh Ibn al-Ḥājj dan al-Fākihānī pada asasnya menyamai sikap Ibnu Taymiyyah, iaitu amat menitikberatkan duluan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan golongan Sahabat. Sebelum perbincangan ini menyentuh secara spesifik tentang pendapat Ibnu Taymiyyah, berikut dikemukakan terlebih dahulu sebuah petikan yang menegaskan sikap Ibnu Taymiyyah (n.d.) dalam *Majmū' Fatāwā* (selepas ini hanya disebut *MF*):

Apabila apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. menjadi jelas kepada kita, kita sering berbolak-balik dalam banyak urusan antara mematuhi apa yang Allah turunkan kepada kita dan mematuhi ajaran datuk moyang kita. [Dalam hal ini] menjadi kewajipan [kepada semua orang Islam] untuk patuh kepada Rasulullah s.a.w.

## Maulid Menurut Ibnu Taymiyyah

Ibnu Taymiyyah telah menyebut secara spesifik dalam *Iqtidā'* tentang Maulid sebanyak dua kali. Pertama, beliau menyatakan bahawa Maulid itu ialah perbuatan bidaah dan mengaitkannya dengan perayaan kelahiran Nabi 'Isa AS yang disambut oleh orang Kristian:

Dan demikian pula apa [Maulid] yang dilakukan oleh sebahagian orang, adakalanya untuk meniru orang-orang Nasrani dalam sambutan kelahiran (*mīlād*) Nabi 'Isa a.s., atau untuk menyatakan kecintaan (*maḥabbah*) kepada Nabi s.a.w. dan memuliakan baginda. Barangkali Allah memberikan pahala terhadap pernyataan kecintaan itu dan semua usaha ke arahnya. Namun tidak [diberikan pahala] ke atas perbuatan bidaah: iaitu siapa yang menjadikan Maulid Nabi s.a.w. sebagai perayaan. Sedangkan orang ramai langung tidak pasti tentang tarikh sebenar kelahiran Nabi s.a.w. Maka sesungguhnya ini [Maulid] tidak disambut oleh golongan Salaf, walaupun itu sesuatu yang mungkin boleh dijangka berlaku dan jika berlaku tidaklah di sana ada bantahan tentangnya. Jika ini [Maulid] benar-benar perbuatan yang ada kebaikan atau yang paling tepat dari sudut dalilnya (*rājiḥ*), tentulah golongan Salaf itu lebih awal berhak untuk menyambutnya berbanding kita kerana mereka [Salaf] itu lebih mendalam kecintaan dan sanjungannya kepada Nabi s.a.w. Sesungguhnya pernyataan kecintaan yang paling sempurna ialah dengan mentaati baginda, menuruti setiap arahnya, menghidupkan sunnahnya secara dalaman dan luaran, menyebarkan risalah yang diutuskan kepadanya, melaksanakan jihad dengan hati, tangan dan lisan. Maka, semuanya itu ialah cara hidup golongan yang paling awal memeluk Islam (*al-Sābiqūn al-'Awwalūn*), baik daripada kaum *Muhājirūn* dan *Anṣār* mahupun sesiapa yang mengikuti mereka dengan baik (*iḥsān*) (295).

Kedua, Ibnu Taymiyyah memperakui bahawa di sebalik Maulid terdapat peluang untuk mengaut pahala, tetapi bukan kerana sifat perayaan itu, sebaliknya kerana individu yang menyambutnya mempunyai hasrat untuk menyatakan kecintaannya kepada Nabi Muhammad SAW.

Maka memuliakan perayaan Maulid dan menjadikannya satu perayaan bermusim (*mausim-n*); dilakukan oleh sebahagian orang; dan ia menjadikan padanya terdapat di dalamnya ganjaran pahala yang besar sebab niatnya yang baik dan memberi kemuliaan kepada Rasulullah s.a.w. Sebagaimana yang telah aku nyatakannya kepada kamu bahawa itu dikatakan baik oleh sebahagian orang; apa dikatakan keji oleh sebahagian orang yang benar-benar faham dalam agama (*al-mu'min al-musaddad*) (297).

Melalui dua fatwa tersebut, Ibnu Taymiyyah mahu menyatakan bahawa Maulid itu pada asasnya ialah perbuatan bidaah kerana tidak terdapat duluan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat. Perbuatan itu dilihat oleh Ibnu Taymiyyah seperti meniru perayaan Krismas yang disambut oleh orang Kristian pada setiap tahun.

Sejarawan moden mungkin akan mempersoalkan kenapa Ibnu Taymiyyah tidak menyatakan dengan jelas bila perayaan Maulid mula disambut oleh orang Islam. Tidak diketahui kenapa Ibnu Taymiyyah tidak pula menyebutnya. Namun, Memon (1976) berpendapat terdapat kemungkinan Ibnu Taymiyyah menganggap hal tersebut tidak penting kerana perkara utama yang mahu dijelaskan oleh beliau ialah tentang kedudukan Maulid, iaitu Maulid sememangnya bukan satu perayaan yang pernah disambut oleh golongan Salaf. Meskipun begitu, Ibnu Taymiyyah tidak menolak pembabitan orang Kristian ketika mereka menyambut perayaan Krismas dalam memberikan inspirasi kepada orang Islam untuk menyambut Maulid. Dakwaan ini dipersetujui oleh kebanyakan sejarawan (lihat *EI*<sup>2</sup>, s.v. "Mawlid").

Menurut Memon (1976), maksud ungkapan "meniru orang-orang Nasrani dalam sambutan *mīlād* Nabi 'Isa a.s" ialah Maulid itu bukan sahaja ditiru, malah memang berasal daripada perayaan Krismas: "*Maulid* especially is a heretical innovation whose basis clearly comes from the festival of Christmas." Penulis kurang bersetuju dengan dakwaan yang dibuat oleh Memon (1976) ini kerana tidak ada kenyataan yang jelas dibuat oleh Ibnu Taymiyyah berhubung dakwaan itu. Sebaliknya penulis bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan dalam *Encyclopaedia of Islam* bahawa orang Islam hanya terpengaruh dengan perayaan Krismas. Ibnu Taymiyyah (1990) berpendapat bahawa tindakan orang Islam yang meniru cara perayaan orang bukan Islam ialah satu perkara yang tidak diharuskan dalam agama Islam, malah tindakan itu dianggap satu perbuatan bidaah. Dalam kes ini, beliau menggunakan dua hadis utama untuk menyokong pandangannya:

1. Sungguh kamu akan mengikuti jejak langkah orang-orang sebelum kamu selangkah demi selangkah, hingga apabila mereka memasuki lubang biawak, nescaya kamu mengikutinya. Mereka berkata: wahai Rasulullah, adakah mereka itu Yahudi dan Nasrani? Jawab baginda: siapa lagi kalau bukan mereka (*Ṣaḥīḥ Muslim, kitāb al-'ilm, bāb ittibā' sunan al-yahūd wa al-naṣārā*, hadis riwayat Abū Sa'īd al-Khudrī) (5).
2. Hari kiamat [*al-sa'ah*] tidak akan berlaku hingga umatku mengikut perbuatan kaum sebelum mereka seinci demi seinci dan sehasta demi sehasta. Mereka bertanya: wahai Rasulullah, adakah mereka itu Parsi dan Rom? Jawab baginda: siapa lagi kalau bukan mereka (*Ṣaḥīḥ Bukhārī, kitāb al-I'tiṣām bi al-kitāb wa al-Sunnah, bab qauli al-nabī s.a.w. latatba'unna sanana man kāna qablakum*, hadis riwayat Abū Hurairah) (5).

Ibnu Taymiyyah turut menambah bahawa terdapat pengaruh yang besar disebarkan kepada orang Islam melalui orang Yahudi, Kristian, Parsi dan Rom. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan orang Islam yang terpengaruh telah akhirnya melakukan perkara-perkara yang tidak dibenarkan dalam agama Islam. Menurut Ibnu Taymiyyah:

Kata Allah S.W.T. tentang sifat golongan yang dimurkai Allah (*al-maghdūbi 'alayhim*): "Sebahagian orang Yahudi mengubah perkataan dari tempat-tempatnya" (al-Nisa': 46). Dalam ayat yang lain, mereka disifatkan sebagai "memutarbelitkan lidah-lidah mereka dengan kitab, agar kamu menyangka itu sebahagian daripada kitab dan padahal itu bukan daripada kitab" (Ali 'Imran: 78). Penyelewengan yang dimaksudkan di sini ialah menyelewengkan wahyu (*tanzīl*) dan menyelewengkan maksud asal (*tā'wīl*). Berhubung penyelewengan *tā'wīl*, itu satu kesalahan yang sering berlaku dalam kalangan orang Islam. Begitu juga dengan penyelewengan *tanzīl*, kes ini banyak juga berlaku dalam kalangan manusia [orang Islam] (8).

Tentang pengaruh orang Kristian pula, Ibnu Taymiyyah menyebutnya seperti di bawah:

Kemudian terdapat kes *ghuluw* (pujian yang melampaui batas) terhadap para nabi dan orang soleh, sebagaimana yang telah berlaku kepada sebahagian kumpulan orang soleh dan sufi, fahaman mereka itu banyak yang menyeleweng hinggalah ramai daripada mereka yang terpengaruh dengan fahaman *al-hulūl* (penyatuan spiritual manusia dengan Tuhan) dan *al-ittihād* (gabungan manusia dan Tuhan). Perbuatan seperti ini adalah buruk, sama buruknya seperti perbuatan orang-orang Kristian, atau barangkali lebih buruk lagi daripada mereka [orang Kristian] (9).

Apabila Ibnu Taymiyyah menyebut perbuatan buruk orang Kristian, maksud beliau ialah cara hidup *rahbāniyyah* yang diamalkan mereka (iaitu kerahiban yang bermaksud cara hidup menyendiri dengan melakukan amalan pertapaan di biara dan kadangkala tidak berkahwin). Oleh sebab itu, Ibnu Taymiyyah menilai perbuatan sebahagian orang Islam yang menjalani cara hidup *rahbāniyyah* sebagai perbuatan buruk dan *ghuluw* kerana menyerupai amalan orang Kristian. Tambah beliau lagi, kebiasaannya amalan *rahbāniyyah* itu sering dilakukan oleh golongan sufi dan mereka yang mendakwa diri sebagai orang soleh.

Allah menyebut di dalam al-Qur'an: "dan *rahbāniyyah* yang mereka [Kristian] telah ciptakan itu ialah perkara yang tidak Kami perintahkan kepada mereka – kecuali hanya mencari keredaan Allah" (al-Hadid: 27). Hanya Allah sahaja yang tahu berapa ramai golongan orang Islam yang telah diuji dengan cara hidup bidaah seperti *rahbāniyyah* (10).

Tentang pengaruh Parsi dan Rom, Ibnu Taymiyyah telah menjelaskannya seperti berikut: "Berhubung perbuatan meniru Parsi dan Rom, banyak aspek teoritikal dan praktikal yang mengandungi pengaruh Parsi dan Rom telah masuk ke dalam Islam malah dipelajari oleh orang Islam" (11). Setelah menerangkan tentang pengaruh Yahudi, Kristian, Parsi dan Rom kepada orang Islam, Ibnu Taymiyyah menyimpulkan:

Bahawasanya perayaan-perayaan ahli kitab [Yahudi dan Kristian] dan orang-orang *'ajam* [Parsi dan Rom] adalah dilarang atas dua sebab: pertama ialah tindakan itu boleh membawa kepada perbuatan meniru amalan orang bukan Islam; kedua ialah perayaan-perayaan itu perbuatan bidaah (267).

Menurut Ibnu Taymiyyah, tidak semua perayaan yang disambut oleh orang Islam berasal daripada perbuatan orang bukan Islam ataupun mempunyai pengaruh daripada mereka. Terdapat juga perayaan yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan orang Kristian, Yahudi, Parsi atau Rom tetapi disambut oleh sebahagian orang Islam. Justeru, bagaimanakah pula keadaannya kepada orang Islam yang menyambutnya? Pertama sekali, Ibnu Taymiyyah menjelaskan bahawa perayaan-perayaan yang termasuk dalam kategori ini juga dikira sebagai perbuatan bidaah dan orang Islam yang menyambutnya dikira sebagai pelaku bidaah (*mubtadi'*). Dalam kes ini, Ibnu Taymiyyah menggunakan dua hadis utama berikut sebagai sandaran dalam pendapatnya:

Barangsiapa mengadakan sesuatu dalam urusan kami ini yang bukan di dalamnya, maka sesuatu itu tertolak (*Ṣaḥīḥ Bukhārī, kitāb al-ṣulḥ, bāb iżā iṣṭalaḥū 'alā ṣulḥ jaur fa al-ṣulḥ mardūd*, hadis riwayat 'Ā'isyah) (10).

Sesungguhnya perkataan yang paling benar ialah kitab Allah dan sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk Muhammad s.a.w. dan sekeji-keji perkara ialah yang diada-adakan, dan setiap perkara yang diadakan ialah bidaah dan setiap yang bidaah itu sesat dan setiap yang sesat itu di dalam neraka (*Sunan al-Nasā'ī, kitāb ṣolāt al-'aidīn, bāb kaifa al-khuṭbah*, hadis riwayat Jābir b. 'Abd Allāh) (10).

Wajar diteliti terlebih dahulu apakah rasional yang terdapat di sebalik penegasan Ibnu Taymiyyah tentang perbuatan bidaah sebelum membuat kesimpulan apakah sikap beliau tentang sambutan perayaan Maulid. Ibnu Taymiyyah memberikan pandangan yang sama seperti Sufyān al-Thawrī (m. 778 M), iaitu perbuatan bidaah mengandungi keburukan yang lebih serius berbanding perbuatan maksiat. Penulis menjumpai kata-kata al-Thawrī itu dalam laporan yang diberikan oleh al-Lālikā'ī (2005). Ibnu Taymiyyah menulis dalam *Majmū' Fatāwā* seperti berikut:

Bidaah lebih disukai oleh Iblis berbanding maksiat. Seorang yang melakukan maksiat lazimnya tahu dia telah melakukan kesalahan maksiat dan tahu bahawa dia perlu bertaubat. Sedangkan seorang pelaku bidaah dia tidak tahu perbuatannya satu kesalahan malah menganggapnya pula sebagai perbuatan yang baik, justeru dia tidak bertaubat.

Manusia diciptakan Tuhan dengan pelbagai keistimewaan, kesempurnaan dan juga kelemahan. Seperti kata Bensaid, Grine dan Mohd Roslan (2013): "humans are the most precious creation in the universe" dan "represent a distinct creation to whom God granted all the necessary physical and moral characteristics, as well as capabilities, motivation, freedom and responsibility." Justeru, manusia sememangnya sering menagih rahmat daripada Tuhan. Melalui sifat kejadian sebegini, manusia itu menurut Ibnu Taymiyyah akan sentiasa mematuhi atau tidak mematuhi suruhan dan larangan Tuhan. Apabila manusia itu melakukan maksiat dan perbuatan dosa, mereka akan cepat-cepat menyedarinya dan melakukan taubat. Dalam erti kata lain, memang Tuhan sengaja membiarkan manusia itu terjatuh ke dalam perbuatan maksiat, namun pada masa yang sama manusia juga sentiasa diajak oleh Tuhan untuk melakukan taubat. Keadaan seperti ini, kata Ibnu Taymiyyah akan berlaku terus-menerus kerana itu ialah lumrah kejadian makhluk yang bernama manusia. Walau bagaimanapun, al-Thawrī melihat keadaan pelaku bidaah berbeza kerana mereka tidak menyedari bahawa perbuatan yang mereka lakukan itu juga satu kesalahan. Sebaliknya, mereka akan menganggap perbuatan itu betul, terus melakukannya dan mempengaruhi orang lain pula untuk turut sama melakukannya. Lama-kelamaan, jika keadaan seperti ini masih berlaku berulang kali, maka manusia akhirnya akan mempercayai perbuatan itu bukan bidaah dan manusia akan semakin jauh daripada mengamalkan ajaran Islam yang murni. Itulah rasionalnya kenapa Ibnu Taymiyyah bersetuju dengan al-Thawrī bahawa perbuatan maksiat yang dilakukan manusia itu mengandungi keburukan yang kurang serius berbanding perbuatan bidaah.

Ibnu Taymiyyah juga menolak konsep bidaah yang dipuji (*bid'ah ḥasanah*) seperti yang diutarakan oleh Abū Shāmāh. Sambil mengutip kenyataan 'Umar al-Khattāb (Sahabat; Khulafa' al-Rashidun; m. 644 M) yang menyebut tentang kebaikan bersolat tarawih secara berjemaah pada bulan Ramadan, Ibnu Taymiyyah berpendapat bahawa maksud istilah *bid'ah ḥasanah* yang ditermologikan oleh sebahagian sarjana melalui kenyataan 'Umar yang berbunyi "*ni'mah al-bid'ah ḥāzihi*" lebih berbentuk leksikal (*luḡhatān*) dan bukan kontekstual (*syar'ān*): "Maksud bidaah dalam bahasa ialah setiap tindakan baru tanpa ada contoh atau pernah dibuat sebelumnya. Bidaah dari sudut syarak pula ialah setiap tindakan yang tidak disokong oleh nas syarak" (276).

Apabila bidaah itu dijelaskan maksudnya daripada sudut leksikal, maka tidaklah semua perkara yang bersifat baharu atau yang belum pernah dilakukan itu dikatakan sebagai bidaah. Sebagai contoh, istilah 'Islam' itu sendiri ialah bidaah leksikal. Ibnu Taymiyyah menjelaskan Islam itu ialah satu agama yang berbeza dengan agama-agama anutan manusia yang lain. Perbezaan itulah tambah beliau menjadikan Islam satu agama baharu. Daripada sudut leksikal, ia boleh dikatakan sebagai bidaah. Untuk menguatkan pandangannya, dalam *Iqtidā'*, Ibnu Taymiyyah (1990) memberikan contoh sebuah kisah dialog yang berlaku antara utusan Arab Quraish dengan Raja Najāshī (raja negara Habshah; m. 630 M). Dalam dialog tersebut, telah berlaku sesi soal jawab dan antara soalan yang diajukan oleh Raja Najāshī ialah perihal sekumpulan Sahabat yang telah berhijrah ke Habshah. Jawapan yang dikemukakan ialah kumpulan Sahabat yang dimaksudkan itu telah meninggalkan agama ajaran nenek moyang untuk menganuti satu agama baharu. Ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya amat berlainan dan belum pernah diketahui sebelumnya di tanah Arab. Utusan-utusan Quraish itu juga menegaskan bahawa agama baharu itu juga berbeza dengan agama yang sedang dianuti oleh Raja Najāshī dan rakyatnya di Habshah. Melalui kisah dialog di atas, ungkapan 'agama baharu' itu disifatkan sebagai bidaah. Tetapi, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa bidaah yang dimaksudkan di sini hanyalah daripada sudut leksikal semata-mata.

Berbalik kepada soal solat tarawih pada malam bulan Ramadan. Menurut Ibnu Taymiyyah (1990), mengerjakan solat tarawih secara berjemaah bukanlah satu amalan bidaah daripada sudut syarak. Nabi Muhammad SAW sendiri ketika hayatnya pernah mengerjakan solat tarawih itu baik secara bersendirian mahupun berjemaah. Baginda pernah mengimami solat tarawih selama tiga malam berturut-turut tetapi pada malam keempat beliau tidak lagi hadir ke masjid untuk meneruskan solat tarawih secara berjemaah, sebaliknya melakukannya pula secara bersendirian. Sejak itu solat tarawih turut dilakukan secara bersendirian oleh para Sahabat. Suasana seperti itu terus berlaku sehingga 'Umar b. al-Khaṭṭāb melakukan semakan semula terhadap amalan solat tarawih bersendirian itu dan kemudiannya mengeluarkan arahan agar solat tarawih dilakukan kembali secara berjemaah di masjid sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Apabila masjid kembali dihadiri oleh para Sahabat, masjid telah menjadi meriah dengan suasananya yang diterangi oleh lampu-lampu. Suasana baharu yang berbeza ini dilihat oleh 'Umar lebih baik berbanding sebelumnya kerana malam-malam Ramadan selepas itu menjadi lebih hidup dan bersemarak. Oleh sebab suasana yang baharu itu berbeza dengan sebelumnya, maka suasana itu disifatkan sebagai bidaah. Suasana baharu itu juga dilihat mengandungi aspek yang positif serta amat disenangi oleh 'Umar, lantas dari sinilah munculnya terminologi *bid'ah ḥasanah*.

Namun, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa bidaah yang dimaksudkan oleh 'Umar dalam konteks ini ialah bidaah daripada sudut leksikal semata-mata. Bidaah ini bukan daripada sudut syarak kerana peristilahannya akan menjadi tidak tepat disebabkan sudah terdapat duluan daripada Nabi Muhammad SAW dan tiada pula bukti yang sahih daripada Baginda yang menyebut tentang larangan melakukan solat tarawih secara berjemaah.

Oleh itu, berdasarkan pendapat Ibnu Taymiyyah (1990), bidaah itu hanya mempunyai dua kategori. Pertama ialah bidaah daripada sudut leksikal dan kedua ialah bidaah yang keji atau menyeleweng (*bid'ah ḍalālah*). Penjelasan tentang bidaah leksikal telah dikemukakan sebelum ini. Bidaah yang menyeleweng pula bukan bermaksud setiap perkara yang dilakukan pada kali pertama, sebaliknya membawa pengertian setiap tindakan yang tidak pernah disyariatkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Perbincangan di atas tadi dianggap memadai untuk mengemukakan satu formula tentang bidaah menurut pandangan Ibnu Taymiyyah. Perenggan seterusnya akan mengemukakan bahagian yang menjadi polemik dalam fatwa Ibnu Taymiyyah berhubung perayaan Maulid. Dalam fatwa yang sama seperti yang dikemukakan sebelum ini, Ibnu Taymiyyah telah menyebut dua perkara seperti berikut: "terdapat di dalamnya ganjaran pahala yang besar sebab niatnya yang baik dan memberi kemuliaan kepada Rasulullah s.a.w" dan "dikatakan baik oleh sebahagian orang; apa dikatakan keji oleh sebahagian orang yang benar-benar faham dalam agama (*al-mu'min al-musaddad*)". Dalam dua petikan ini, dua perkara yang telah disebutkan oleh Ibnu Taymiyyah itu ialah: pertama, individu yang berniat dan mahu melakukan sesuatu dengan tujuan untuk memuliakan Nabi Muhammad SAW akan mendapat pahala; kedua, tindakan menyambut Maulid seperti yang diamalkan oleh sebahagian orang Islam tidak diperakui keharusannya oleh mereka yang digelar sebagai *al-mu'min al-musaddad*, iaitu orang alim dan faqih. Istilah *al-musaddad* dalam fatwa ini juga telah digunakan oleh Ibnu Taymiyyah dalam *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah* (1989; selepas ini hanya disebut *Minhāj*) dengan maksud yang sama. Berikut ialah sebahagian daripada petikan yang menyebut istilah *al-musaddad* dalam *Minhāj*:

Seorang itu dianggap tidak berpengetahuan dan tidak bersikap adil apabila beliau ambil panduan dalam hal ehwal keagamaan daripada para imam ini (imam-imam Shi'ah) kerana mereka jelas tidak berkemampuan untuk memberikan tunjuk ajar yang tepat. Sebaliknya, orang itu dianggap telah berjaya mendapat panduan yang betul apabila mendapatkannya daripada orang yang berkemampuan, mempunyai pengetahuan tinggi dan yang benar-benar faham dalam agama (*musaddad*).



Penulis juga mengikuti terjemahan yang diberikan oleh Michot (2014) tentang istilah *musaddad* dan mendapati beliau telah menterjemahkannya dengan maksud "shown the proper way" (orang yang ditunjukkan jalan pemahaman yang lebih betul).

Apabila dilihat semula kepada komentar yang dibuat oleh Ukeles (2010) berhubung fatwa itu, Maulid menurut anggapan beliau pada umumnya ialah bidaah, tetapi boleh bertukar menjadi tidak bidaah jika golongan yang mahu menyambungnya mempunyai niat untuk memuliakan dan menyanjungi keperibadian Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan hemat penulis, terdapat kemungkinan bahawa Ukeles telah terpengaruh dengan pendapat tentang *bid'ah hasanah* yang beliau kutip daripada Abū Shāmah. Melalui premis itu, Ukeles membuat andaian bahawa Ibnu Taymiyyah juga mahu memperkenalkan *bid'ah hasanah* dalam fatwanya. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini juga, Ibnu Taymiyyah menolak kategori *bid'ah hasanah* dan mendakwa penggunaan istilah itu dalam hal-hal berkaitan ibadat adalah tidak tepat seperti yang disebutkan dalam kenyataan beliau ini: "bidaah dari sudut syarak pula ialah setiap tindakan yang tidak disokong oleh nas syarak" (276). Ibnu Taymiyyah berpegang kepada kaedah bahawa hukum asal setiap hal ibadat itu ialah dilarang atau diharamkan pelaksanaannya (*al-aṣl fī al-'ibādah al-tahrīm*) sehingga terdapat dalil yang membenarkannya. Pandangan yang sama juga boleh didapati dalam *al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah* (Ibn Taymiyyah 2000): "satu hal yang boleh dikenalpasti melalui penelitian terhadap hukum syarak ialah pensyariaan semua ibadat yang diwajibkan atau diharuskan oleh Allah mesti dinyatakan melalui dalil syarak (al-Qu'ran dan hadis)" dan dalam *MF*: "semua ibadah, ketaatan dan kedekatan kepada Allah mesti berdasarkan dalil daripada Allah dan RasulNya. Semua amalan di atas tidak dibolehkan jika tidak mempunyai dalil syarak."

Melalui semakan yang dibuat oleh penulis terhadap karya-karya Ibnu Taymiyyah yang lain seperti di atas mendapati bahawa Ibnu Taymiyyah mempunyai pandangan yang konsisten berhubung pengertian bidaah. Dakwaan Ukeles bahawa Ibnu Taymiyyah pada amnya turut bersetuju dengan penggunaan *bid'ah hasanah* dalam hal-hal ibadat didapati agak longgar. Ungkapan Ibnu Taymiyyah dalam fatwa beliau: "terdapat di dalamnya ganjaran pahala yang besar sebab niatnya yang baik dan memberi kemuliaan kepada Rasulullah s.a.w." boleh difahami dengan maksud yang lain, iaitu Ibnu Taymiyyah berpendapat terdapatnya ganjaran pahala kepada individu yang memberikan pujian, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW. Tetapi tidak tepat jika Maulid juga dimasukkan sebagai salah satu daripada maksudnya kerana ungkapan itu langsung tidak memberikan apa-apa isyarat tentang Maulid, malah Ibnu Taymiyyah tidak pula pernah menyebut tentang keharusannya.

## Kesimpulan

Perbincangan Ibnu Taymiyyah tentang Maulid dan perayaan-perayaan bidaah lain seperti yang dimuatkan dalam *Iqtidā'* sebenarnya bermula dengan sebuah soalan ringkas seperti berikut: "bolehkah seorang itu membaca keseluruhan al-Qur'an (*khatmah*) sebagai cara untuk memuliakan Maulid Nabi s.a.w.?" (*MF*). Ketika memberikan respons, Ibnu Taymiyyah tidak hanya membataskan jawapan beliau kepada soalan itu, sebaliknya beliau mengambil peluang itu untuk mengemukakan perbincangan yang lebih terperinci berhubung semua perayaan yang beliau anggap termasuk dalam kategori bidaah. Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap *Iqtidā'*, Ibnu Taymiyyah berpendapat bahawa Maulid yang disambut oleh orang Islam itu ialah satu jenis amalan bidaah. Kenyataan ini juga diperkuatkan menerusi beberapa analisis terhadap pandangan beliau dalam kitab-kitab yang lain. Dengan dapatan tersebut, Ibnu Taymiyyah dilihat konsisten dalam mengemukakan pendapat beliau tentang bidaah. Beliau juga menegaskan bahawa bidaah itu hanya mempunyai dua kategori, iaitu bidaah daripada sudut leksikal dan kedua ialah bidaah yang keji atau menyeleweng (*bid'ah dalālah*).

Setelah beliau menyelesaikan hal berkaitan peristilahan 'bidaah', penulis mendapati pula Ibnu Taymiyyah juga mendakwa bahawa Maulid ialah perayaan yang mirip kepada perayaan Krismas yang disambut oleh penganut agama Kristian. Penulis bersetuju dengan dakwaan tersebut berdasarkan dua fakta: pertama ialah sambutan kedua-dua perayaan itu dilakukan pada setiap tahun; dan kedua ialah objektif masing-masing untuk mengingati hari kelahiran Nabi 'Isa AS dan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, penulis juga tidak menolak kemungkinan bahawa sambutan perayaan Maulid berlaku dalam kalangan orang Islam pada zaman Ibnu Taymiyyah khususnya kerana pengaruh daripada perayaan Krismas yang disambut oleh orang Kristian. Walau bagaimanapun, penulis kurang bersetuju dengan dakwaan yang dibuat oleh Memon (1976) bahawa Maulid itu sememangnya berasal daripada perayaan Krismas kerana tidak ada sumber sahih lain yang boleh menyokongnya. Dakwaan Ibnu Taymiyyah bahawa Maulid itu bidaah boleh dipersetujui kerana tiada sebarang dalil yang berautoriti dan tiada amalan duluan golongan Sahabat dan tabi'in untuk membenarkan keharusan menyambut perayaan Maulid itu.

Sikap tegas Ibnu Taymiyyah terhadap Maulid juga dapat dijelaskan melalui kekhuatirannya terhadap pengaruh agama Kristian, Shi'ah dan pelbagai kepercayaan khurafat kepada orang Islam. Ibnu Taymiyyah telah menulis beberapa karya yang ditujukan khas kepada ketiga-tiga golongan tersebut. Sebagai contoh, beliau menulis *al-Jawāb al-Ṣaḥīḥ li man baddala dīn al-Masīḥ* sebagai respons kepada teologi Kristianiti. Karya *Minhāj* pula dihasilkan untuk menolak fahaman Shi'ah. Selain itu, terdapat beberapa tulisan kecil yang ditulis oleh Ibnu Taymiyyah untuk

menjelaskan kesalahan pelbagai jenis perbuatan khurafat seperti *al-Furqān bayna Awliyā' al-Rahmān wa Awliyā' al-Shaytān*, *Qā'idah Jalīlah fī al-Tawassul wa al-Wasīlah* dan *Kitāb al-Istighāthah al-Ma'rūf bī al-Radd 'alā al-Bakr*. Komentor yang sama terhadap tiga golongan itu turut dinyatakan sekali lagi oleh Ibnu Taymiyyah dalam *Iqtidā'*. Justeru, penulis percaya bahawa tindakan Ibnu Taymiyyah menolak keharusan perayaan Maulid adalah disebabkan oleh faktor kebimbangan beliau terhadap pengaruh ajaran Kristian, Shi'ah dan amalan-amalan khurafat.

Berhubung dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ukeles pula, walaupun beliau dilihat mungkin mahu mengemukakan satu pendapat yang sederhana, namun komentar yang dibuat oleh beliau tentang fatwa Maulid Ibnu Taymiyyah didapati kurang teliti kerana bertentangan dengan pendirian Ibnu Taymiyyah berkenaan Maulid dan bidaah. Penulis mendapati sudah terdapat beberapa pihak pada zaman Ibnu Taymiyyah yang mahu memberikan justifikasi tentang keharusan menyambut perayaan Maulid dengan mengaitkannya kepada niat baik si pelaku, namun Ibnu Taymiyyah menolaknya kerana Maulid mempunyai beberapa ciri bidaah. Oleh itu, berdasarkan perbincangan di atas penulis bersetuju dengan Ibnu Taymiyyah bahawa Maulid tetap merupakan amalan bidaah dan setiap yang bidaah itu ialah perbuatan yang salah dalam agama Islam, maka amatlah wajar untuk tidak dilakukan oleh orang Islam. Seperti nasihat Mālik b. Anas (m. 795) kepada seorang lelaki yang berhasrat mahu memulakan ihram di tempat yang bukan ditetapkan oleh Nabi Muhammad SAW, Mālik menegaskan bahawa tindakan lelaki itu boleh dikatakan telah membelakangkan saranan Nabi Muhammad SAW dalam menentukan kelebihan atau fadilat dalam beribadat dan hal tersebut boleh menyebabkannya terjerumus ke dalam fitnah (al-Shāṭibī 2005).

## Nota

1. Perayaan yang disambut untuk mengingati kelahiran Nabi Isa AS pada tarikh 25 Disember setiap tahun. Lihat Kelly (2004).
2. Perayaan untuk menyambut dan mengingati kisah Nabi Isa AS dihidupkan semula selepas dipercayai mati akibat disalib. Tarikh sambutan berubah-ubah dan tidak tetap seperti Krismas. Kebiasaannya jatuh antara tarikh 22 Mac hingga 25 April pada setiap tahun. Lihat Weiser (1958) dan Hale (2010).
3. Disambut pada hari Jumaat dua hari sebelum Easter untuk mengingati peristiwa Nabi Isa AS disalib. Lihat Weiser (1958).
4. Perayaan yang disambut pada hari Ahad seminggu sebelum Easter. Kebanyakan gereja Kristian menyambutnya untuk mengingati peristiwa Nabi Isa AS memasuki Jerusalem. Kebiasaannya penganut Kristian akan menganjurkan perarakan sambil

membawa daun palma untuk mengingati suasana ketika Nabi Isa AS disambut oleh penduduk Jerusalem dengan daun-daun palma. Lihat Weiser (1958) dan Hale (2010).

5. Dilakukan pada hari Khamis beberapa hari sebelum Easter. Pada hari itu, orang Kristian akan berkumpul untuk mengingati 'The Last Supper' (peristiwa Nabi Isa AS dan pengikutnya di Jerusalem menikmati jamuan makan terakhir sebelum ditangkap dan disalib). Kemudian sambutan itu diikuti dengan upacara ritual *foot washing*. Lihat Weiser (1958) dan Hale (2010).

## Bibliografi

- Abdul Shukor Husin. 1998. *Ahli Sunnah Waljamaah: Pemahaman semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abū Shāmah, 'Abd al-Raḥmān. n.d. *Al-Bā'ith 'alā inkār al-Bida' wa al-Ḥawādith*. 'Ādil 'Abd al-Mun'im Abū al-'Abbās. Cairo: Maktabat Ibn Sinā.
- Aḥmad Farīd. 2003. *Al-Salāfiyyah: Qawā'id wa uṣūl*. Cairo: Dār al-'Aqīdah.
- Armstrong, K. 2014. *Fields of blood: Religion and the history of violence*. London: The Bodley Head.
- Bensaid, B., Grine, F. and Mohd Roslan Mohd Nor. 2013. Understanding Muslim theology in the works of Shaykh Muhammad Ghazali. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities* 20(1): 33–50.
- Boyce, M. 2001. *Zoroastrians: Their religious beliefs and practices*. London and New York: Routledge.
- Brockelmann, C. 1945–1947. *Geschichte der Arabischen Literatur (GAL)*. Suppl., vol. 2, Leiden.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. 1988. *Al-Salāfiyyah: Maḥalāh zamāniyyah mubārakah la madhhab Islāmī*. Damascus: Dār al-Fikr.
- Cragg, K. 1964. *The Dome and the Rock: Jerusalem studies in Islam*. London: S.P.C.K.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. 1928. *Bayān zaḡhal al-'Ilm wa al-Ṭalab*. Damascus: Maṭba'at al-Tawfiq.
- Dien, M.I. 2004. *Islamic law: From historical foundations to contemporary practice*. Notre Dame: University of Notre Dame Press.
- Al-Faruqī, Ismail Raji. 1992. *Al-Tawḥīd: Its implications for thought and life*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought.
- Grunebaum, G.E.V. 1976. *Muhammadan festivals*. London: Curzon-Rowman.
- Hale, R.D. 2010. *Understanding Christianity: Origin beliefs, practices, holy texts and sacred places*. London: Duncan Baird Publishers.
- Hillenbrand, C. 2000. *The crusades: Islamic perspectives*. New York: Routledge.
- Hillenbrand, R. 2012. The Dome of the Rock: From medieval symbol to modern propaganda. In *Architecture and interpretation: Essays for Eric Fernie*, eds. T.A. Jill Franklin and C.S. Heslop, 343–357. Woodbridge: Boydell Press.
- Hoover, J. 2010. God acts by His will and power: Ibn Taymiyya's theology of a personal God in his treatise on the voluntary attributes. In *Ibn Taymiyya and his times*, eds. Y. Rapoport and S. Ahmed, 55–77. Oxford: Oxford University Press.

- Ibn 'Abd al-Hādī, Muḥammad b. Aḥmad. 1938. *Al-'Uqūd al-Durriyyah min manāqib Syaikh al-Islām Aḥmad b. Taymiyyah*. Cairo: Maṭba'ah ijāzī.
- Ibn al-Athīr, 'Alī b. Muḥammad. 1966. *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, vol. 8. Beirut: Dār Šādir.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad b. 'Alī al-'Asqalānī. 2004. *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Cairo: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn al-Ḥājj 'Abd Allāh b. Muḥammad. 1995. *Al-Madkhal ilā Tanmiyat al-'A'māl bi Taḥsīn al-Niyyāh wa al-Tanbīh 'alā Ba'd al-Bida' wa al-'Awā'id allatī Intaḥalat wa Bayān Shanā'ihā*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jauzī, 'Abd al-Raḥmān b. 'Alī b. Ja'far. 1995. *Talbīs Iblīs*. Cairo: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Khallikān, Aḥmad b. Muḥammad. 1948. *Wafayāt al-'A'yān*, vol. 3. Cairo: Maktabah al-Naḥḍah al-Miṣriyyah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl b. 'Umar. 1983. *Tafsīr al-Qu'rān al-'Aẓīm*, vol 1. Beirut: Dār al-Qalam.
- Ibn Miskawayh Aḥmad b. Muḥammad. 1920. *Al-Qism al-Akhīr min Kitāb Tajārib al-Umam (The Eclipse of the 'Abbasid Caliphate: Original chronicles of the fourth Islamic century)*, vol. 1. Oxford: Basil Blackwell.
- Ibn Rajab, 'Abd al-Raḥman b. Shihāb al-Dīn al-Ḥanbalī. 2008. *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikam*. Riyadh: Dār al-Salām.
- Ibnu Taymiyyah, Aḥmad b. 'Abd al-Ḥalīm. 1989. *Minḥāj al-Sunnah al-Nabawiyyah fī Naqḍ Kalām al-Shī'ah wa al-Qadariyyah*, vol. 9. Cairo: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Iqtidā' al-Širāṭ al-Mustaqīm Mukhālafat Aṣḥāb al-Jahīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_. 2000. *Al-Qawā'id al-Nūrāniyyah al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_. n.d. *Majmū' Fatāwā Shaykh al-Islām Aḥmad b. Taymiyyah [MF]*, vols. 6, 11, 31. Cairo: Dār al-Raḥmah.
- Ibn al-Ṭuwayr, 'Abd al-Salām b. al-Ḥasan (d. 1220). 1992. *Nuzḥah al-Muqḥlatayn fī Akhbār al-Daulatayn*. London: Mu'assasat al-Furqān li al-Turāth al-Islāmī.
- Jamaluddin, Jamaluddin. 2011. Ḥaflah al-Mawlid al-Nabawī wa Qir'at Kitāb al-Barzanjī fī Mujtama' Sasak: Manzūrāt Tārīkhīyah. *Studia Islamika* 8: 32–50.
- Kaptein, N.J.G. 1993. *Muhammad's birthday festival*. Leiden: E. J. Brill.
- Katz, M.H. 2007. *The birth of the Prophet Muhammad: Devotional piety in Sunni Islam*. London: Routledge.
- Kelly, J.F. 2004. *The origins of Christmas*. Minnesota: Collegeville.
- Al-Lālikā'ī, Hibatullah b. al-Ḥasan (d. 1027). 2005. *Sharḥ 'Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Al-Maqrīzī, Aḥmad b. 'Alī (d. 1442). 2002. *Mawā'iz al-'Iṭibār fī dhikr al-Khiṭaṭ wa al-Athār*. London: Mu'assasat al-Furqān li al-Turāth al-Islāmī.
- Maududī, S. Abul 'Ala. 1963. *A short history of the revivalist movement in Islam*. Lahore: Islamic Publication Limited.
- Memon, M.U. 1976. *Ibn Taymiyya's struggle against popular religion*. The Hague: Mouton.
- Michot, Y.M. 2007. Ibn Taymiyya's commentary on the creed of al-Hallaj. In *Sufism and theology*, ed. A. Shihadeh, 123–136. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- \_\_\_\_\_. 2012. Ibn Taymiyya. In *The Princeton encyclopedia of Islamic political thought*, ed. G. Bowering, 238–241. Princeton-Oxford: Princeton University Press.

- \_\_\_\_\_. 2013. An important reader of al-Ghazālī: Ibn Taymiyya. *The Muslim World* 103: 131–160, <https://doi.org/10.1111/j.1478-1913.2012.01421.x>.
- \_\_\_\_\_. 2014. Ibn Taymiyya's critique of Shī'ī Imāmology: Translation of three sections of his *Minhāj al-Sunna*. *The Muslim World* 104: 109–149, <https://doi.org/10.1111/muwo.12036>.
- Mohamad Kamil Hj. Abd. Majid, Mat Zain Ab. Ghani and Hassan Jali. 2010. *Ibnu Taymiyyah: Perjuangan dan pemikirannya memurnikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Farid Mohd Sharif. 2011. *Ibn Taymiyyah on jihad and baghy*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muslim Digest*. July–August 1982, Ramadan Annual 32(6–7).
- Al-Nadwi, Abul Hassan 'Ali. 2005. *Ibn Taimiyah: Life and achievements*, trans. Muhyiddin Ahmad. Leicester: UK Islamic Academy.
- Nuseibeh, S. and Oleg, G. 1996. *The Dome of the Rock*. London: Rizzoli.
- Omari, R. el. 2010. Ibn Taymiyya's 'Theology of the Sunna' and his polemics with the Ash'arites. In *Ibn Taymiyya and his times*, eds. Y. Rapoport and S. Ahmed, 101–119. Oxford: Oxford University Press.
- Omer, S. 2015. The Dome of the Rock: An analysis of its origins. *Journal of Islam in Asia* 12(1): 200–214.
- Rivauzi, A. 2015. The education in local Islamic culture of Maulid Nabi traditions: A case study in Nurul Yaqin Ringan-Ringan Pakandangan Padang Pariaman Boarding School. *Al-Ta'lim* 22: 15–36, <https://doi.org/10.15548/jt.v22i2.132>.
- Al-Sakhāwī, Muḥammad b. 'Abd al-Raḥmān. 1930. *Al-I'lān bi al-Tawbīkh li man Dhamma al-Tārikh*. Damascus: al-Maktabah al-Qudsī.
- Schielke, S. 2006. Maulid celebrations: Continuity and social function in modern Egypt. *Islam-Zeitschrift Fur Geschichte Und Kultur Des Islamischen Orients* 83: 120–145.
- Schimmel, A. 1985. *And Muhammad is His messenger*. North Carolina: The University of North Carolina Press.
- Shoshan, B. 1993. *Popular culture in medieval Cairo*. Cambridge: Cambridge University Press, <https://doi.org/10.1017/CBO9780511524004>.
- Spuler, B. 1952. *Iran in früh-islamischer Zeit*. Wiesbaden: Franz Stiner Verlag GMBH.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm b. Mūsā. 2005. *Al-I'tiṣām*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Al-Syāṭibī, Ibrāhīm b. Mūsā. 1994. *Al-I'tiṣām*. Cairo: Maṭba'ah al-Halabī.
- The Encyclopaedia of Islam (EI<sup>2</sup>)*. 1954–1960. Leiden: E. J. Brill.
- Ukeles, R.M. 2010. The sensitive Puritan? Revisiting Ibn Taymiyya's approach to law and spirituality in light of 20<sup>th</sup> century debates on the Prophet's birthday (*Mawlid al-Nabi*). In *Ibn Taymiyya and his times*, eds. Y. Rapoport and S. Ahmed, 319–337. Oxford: Oxford University Press.
- Al-Uthaimīn, Muḥammad Ṣāliḥ. 1421. *Sharḥ al-'Aqīdah al-Wāsiṭiyyah li-Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah*, vol. 2. Al-Ṭab'ah 6. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār Ibn al-Jauzī.
- Weiser, F.X. 1958. *Handbook of Christian feasts and customs*. New York: Harcourt, Brace and Company.
- Al-Yūnīnī, Quṭb ad-Dīn. 1954. *Dhayl mir'āt az-zamān*, vol. 4. Hyderabad: Dāi'rat al-Ma'ārif al-'Usmāniyah.